



KEMENTERIAN KERJA RAYA

TEKS UCAPAN

YB TUAN BARU BIAN

MENTERI KERJA RAYA, ~~KEMENTERIAN KERJA RAYA~~

SEMPENA:

**MAJLIS ASPIRASI 2020 BERSAMA PELAKSANA KONTRAK
PENYENGGARAAN KEMENTERIAN KERJA RAYA**

BILIK TANJUNG

KOMPLEKS KERJA RAYA

4 FEBRUARI 2020

SALUTASI

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

Ketua Setiausaha

Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Dr. Ong Gua Pak

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Datuk Badrul Hisham Bin Mohd

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)

Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Datuk Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

~~**Yang Berusaha Ir. Kamaluddin bin Haji Abdul Rashid**~~

Ketua Pengarah

Lembaga Lebuh Raya Malaysia

Yang Berusaha Ir. Haji Zulakmal bin Haji Sufian

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)

Jabatan Kerja Raya Malaysia

~~Yang Berbahagia Datu Ir. Hj. Zuraimi Bin Hj. Sabki~~

Pengarah Jabatan Kerja Raya Sarawak

Yang Berusaha ~~Yang Berusaha Ir. Edward Lingkape~~

Ketua Penolong Pengarah (Kanan)

Unit Kerjasama Awam Swasta

Ahli – ahli Lembaga Pengarah serta Ketua – Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Konsesi dan syarikat Kontraktor sebagai pelaksana kontraktor penyenggaraan.

Tuan – tuan dan Puan – puan serta para hadirin yang saya hormati sekalian,

PENDAHULUAN

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi,

Salam Sayangi Malaysiaku Malaysia Bersih,

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan rasa syukur kerana saya diberikan peluang untuk bersama-sama tuan/puan dalam Majlis Aspirasi 2020 bersama pelaksana kontrak penyenggaraan Kementerian Kerja Raya pada hari ini.
2. Sebagai pembuka bicara, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan di atas kehadiran wakil agensi pusat iaitu Kementerian Kewangan, Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Setiausaha Persekutuan Sabah, Setiausaha Persekutuan Sarawak dan semua wakil daripada Kementerian Kerja Raya (KKR) serta Kementerian; Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM).
3. Majlis Aspirasi 2020 ini merupakan inisiatif Kementerian untuk memperkukuhkan komitmen KKR terhadap penyampaian perkhidmatan penyenggaraan di negara kita. Selaras dengan Teras 2 Kementerian iaitu Penyenggaraan Infrastruktur Jalan, Lebuh Raya dan Bangunan yang bertujuan untuk ~~senggara~~melaksanakan kerja penyenggaraan dengan cekap dan berkesan supaya dapat digunakan

secara optimum dan sekaligus merencanakan lagi pembangunan ekonomi negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PERUNTUKAN PENYENGGARAAN

4. Suka saya berkongsi sebahagian daripada harapan saya dalam Industri Pembinaan dan Pembangunan Infrastuktur khususnya dari aspek penyenggaraan. Hari ini, saya akan membawa hadirin kepada aspirasi KKR yang memberi fokus kepada “*Perception, Confidence and Trust*” dalam industri pembinaan dan pembangunan infrastruktur yang baharu.
5. Tuan/puan telah diberikan amanah besar untuk menyelenggara aset negara yang mana amanah tersebut perlu digalas sepenuhnya dengan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan mengikut spesifikasi seperti yang terkandung dalam kontrak. Ini dapat mengubah persepsi masyarakat bahawa kita mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik bersesuaian dengan keperluan masyarakat. Perubahan persepsi ini secara tidak langsung mampu membina keyakinan rakyat kepada Kerajaan dan perkhidmatan awam.

Perception

6. Pertama, *Perception* atau pun persepsi ini adalah merupakan salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh KKR dan agensi-agensinya di

bawahnya. Cabaran terbesar yang perlu kita hadapi bersama adalah untuk mengubah persepsi atau "*perception*" masyarakat yang sering menganggap penyampaian Kerajaan tiada daya saing, lambat dan tidak fokus. Persepsi ini perlu diubah melalui penyampaian perkhidmatan "*service delivery*" yang cekap, berkualiti pantas dan berkesan mengikut amalan terbaik.

7. Pada tahun ini, Kementerian Kerja Raya telah menerima **peruntukan sebanyak RM1.08 billion** untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan di bawah program khusus seliaan KKR yang terdiri daripada senggaraan Jalan Persekutuan, Bayaran Penyenggaraan Bilik Lampu Jalan, Pembaikan Jambatan, Kerja Berkala Pavemen di Jalan Persekutuan, Bangunan Gunasama Persekutuan, Kuarters dan Cerun di Jalan Persekutuan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan melalui Kementerian Kewangan di atas komitmen yang diberikan.

peruntukan ini **masih tidak mencukupi** untuk menampung keperluan sebenar. Sebagai contoh, bagi penyenggaraan Jalan Persekutuan, KKR sebenarnya memerlukan peruntukan sebanyak RM 3.75 billion dimana sebanyak RM 2.5 billion diperlukan untuk memperbaiki keadaan pavemen jalan sahaja. Tetapi peruntukan yang diterima untuk penyenggaraan Jalan Persekutuan hanya berbanding RM-636 tahun 2020 yang telah diterima. Daripada jumlah RM 3.75 billion

8-9. Rakyat sebagai pengguna umumnya sering menjangkakan supaya jalan dan cerun disenggara dengan baik sepanjang masa bagi memastikan keselamatan mereka. Saban tahun kita sering berhadapan dengan aduan-aduan seperti jalan berlubang, kerosakan perabot jalan, vandalism dan kadar kemalangan yang sering dikaitkan dengan jalan tidak berkualiti.

9-10. Berdasarkan data Kementerian sehingga Disember 2019, terdapat 67 Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP), 17,830 KM jalan persekutuan dan 22,000 cerun di bawah kawal selia KKR dan JKR yang mana memerlukan peruntukan yang tinggi bagi memenuhi setiap skop penyenggaraan ~~sempurna~~.

Mengambil kira kekangan peruntukan yang saban tahun semakin membesar menyebabkan 35% daripada 17,830 KM panjang jalan berada dalam kategori “*poor*” dan “*bad*”. Kegagalan untuk memenuhi keperluan ini telah menimbulkan persepsi di kalangan masyarakat bahawa Kerajaan tidak cekap dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Manakala, kekurangan dana peruntukan adalah sebab utama kerja penyenggaraan

11-12. Di peringkat Kementerian, kita memahami tahap kemampuan kewangan semasa negara. ~~Pun begitu~~ Walau bagaimanapun, perkara ini perlu diberi perhatian yang serius agar imej Kerajaan dapat dipulih melalui komitmen Kerajaan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan senggaraan dipertingkatkan.

~~42.13.~~ Selain daripada itu, kepercayaan adalah elemen utama dalam menambat hati rakyat di negara kita. Rakyat inginkan kerajaan yang mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik dan seterusnya dapat mewujudkan keyakinan yang tinggi melalui penyampaian perkhidmatan.

~~43.14.~~ Keyakinan dalam industri pembinaan boleh dilihat melalui penyampaian perkhidmatan cemerlang yang melibatkan konsesi dan kontraktor penyenggaraan.

Hadirin yang saya hormati,

PRESTASI SYARIKAT KONSESI

~~44.15.~~ Saya dimaklumkan terdapat 10 Syarikat Konsesi yang beroperasi di Malaysia, dengan nilai kontrak sekitar RM4.98 billion, dengan tempoh kontrak majoritinya 5 hingga ke 10 tahun, yang mana saya percaya tuan-tuan dan/puan-puan telah melaburkan modal yang besar untuk menampung keperluan kontrak ini.

16. Dalam industri pembinaan dan pembangunan infrastruktur, sistem penilaian seperti *merit rating, performance evaluation or review* telah menjadi kayu pengukur prestasi syarikat dan penyedia perkhidmatan termasuklah perkhidmatan penyenggaraan. *Rating* dan penilaian mestilah dilakukan dengan tepat dan berkesan.

15.—

dan perkhidmatan perlu dinilai, diangkat menjadi penanda aras untuk meningkatkan keyakinan industri terhadap penyedia perkhidmatan senggara di Malaysia.

18. Mulai tahun 2020, penilaian melalui *Customer Service Rating Satisfaction Survey (CSS)* (~~GSR~~) perlu diperluas untuk melihat keberkesanan pengurusan projek dan mengiktiraf pencapaian cemerlang syarikat yang memenangi kontrak perkhidmatan senggaraan. Sebagai contoh, kontrak senggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan (~~BGP~~) telah menggunakan *Customer Satisfaction Survey Customer Service Rating* untuk menilai prestasi ??
19. Untuk memastikan keberkesanannya, penilaian prestasi perlu menitik beratkan ciri-ciri seperti penilaian secara berterusan dan tidak menunggu hingga akhir tempoh konsesi sahaja bagi mengelakkan prestasi akhir sahaja yang dinilai.
20. Bagi memastikan penilaian bebas dan tidak bersifat berat sebelah, penilaian perlu dibuat secara objektif, adil dan melibatkan semua ~~semua pemegang~~ 'stakeholder' taruh yang berkepentingan.

Benchmarking

21. Selain daripada itu, para kontraktor dan syarikat perlu sentiasa bersiap-siaga dalam memberikan perkhidmatan senggaraan yang terbaik terutamanya dalam era digitalisasi ini. Usaha ini boleh

dilaksanakan melalui *benchmarking* kepada perkhidmatan senggaraan seperti di negara-negara maju.

22.— Dalam bidang pengurusan senggaraan, beberapa buah negara maju seperti Australia dan Singapura boleh dijadikan sebagai rujukan awalan dan amalan terbaik melalui *facility management service*. Kedua-dua negara ini telah menubuhkan sebuah badan ~~—~~ atau organisasi khas dalam melaksanakan pengurusan fasiliti secara holistik.

beroperasi melalui pusat operasi (*centralised operation command centre*) di mana semua fungsi pengurusan fasiliti diselaraskan secara sistematik, tanpa mengira sub bidang. Empat (4) bidang utama yang dikenalpasti dalam mentransformasi pengurusan fasiliti di Singapura iaitu kebolehsenggaraan (*maintainability*), perolehan, *Smart Facility Management* (FM) dan pembangunan tenaga kerja.

25.24. Manakala di Australia pula, transformasi pengurusan fasiliti lebih cenderung kepada pemerksaan tenaga kerja dan pembangunan professional dalam bidang tersebut. Industri pengurusan fasiliti di Australia telah mengadaptasi ISO 41001 bagi mempertingkatkan kebolehpayaan dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

26.25. Piawaian (~~standard~~) ISO dapat mendorong perubahan di mana organisasi pengurusan fasiliti lebih berinovatif, sesuai dengan keperluan era digitalisasi dalam menyenggara sesuatu aset termasuk

memberi nilai tambah kepada asset dan menjimatkan kos ~~pada-untuk~~ masa panjang. Perkara ini adalah penting terutama dalam perubahan teknologi kerana pengurus fasiliti perlu berdepan dengan cabaran persaingan di kalangan pemain industri dan tanggungjawab sosial.

~~27-26.~~ 27-26. Sehubungan itu, 'benchmarking' kepada negara-negara maju yang telah mengamalkan pengurusan fasiliti dapat merangka amalan terbaik dan berperanan sebagai strategi yang efektif ~~dan,~~ taktikal. ~~da~~Dan sekaligus membolehkan operasi pengurusan fasiliti di Malaysia ~~yang akan menjadi titik tolak untuk perkhidmatan penyenggaraan ini~~ diberi perhatian sewajarnya.

~~28-27.~~ 28-27. Bagi menzahirkan komitmen Kerajaan dalam perkhidmatan senggaraan, satu bentuk penghargaan kepada syarikat yang berjaya mencapai penilaian tahap cemerlang ~~CSR akan diwujudkan.~~ Customer diwujudkan, dimana ia ~~nya~~ dijangka akan mula diperkenalkan ~~??2020.~~

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

28. Salah satu bentuk penghargaan yang telah diberikan kepada syarikat yang mencapai tahap cemerlang adalah seperti 'Anugerah Bangunan Terbaik'. Ini dapat menyuntik semangat dan galakan serta pengiktirafan di kalangan Konsesi dan Kontraktor demi memberikan komitmen padu dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang. Ini secara tidak langsung dapat menjadi penanda

aras kepada syarikat lain serta mewujudkan persaingan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

~~29.~~

(CITP) yang merupakan pelan transformasi sektor pembinaan selama 5 tahun bermula tahun 2016 hingga 2020 juga memfokus kepada pembangunan kontraktor yang turut memberi ruang kepada penggiat industri pembinaan untuk menerokai bidang baharu seperti *Industrialised Building System (IBS)*, *Building Information Modelling (BIM)* dan pembangunan tenaga kerja mahir melalui program *Technical Vocational Education Training (TVET)*. Salah satu teras utama adalah **teras Produktiviti** iaitu pelaksanaan teknologi Permodelan Maklumat Bangunan (*Building Information Modelling - BIM*) menerusi penubuhan Pusat MyBIM serta mempergiatkan kesedaran mengenai *Industrialised Building System (IBS)* dalam pelaksanaan projek pembangunan mereka.

~~32-30.~~ Dari aspek pengantarabangsaan pula, sebanyak RM1billion yang berupa *matching guarantee* telah diluluskan semasa Pembentangan Bajet 2020 dalam membantu konsortium pembinaan untuk membida projek di luar negara. Usaha ini dilihat dapat menarik minat lebih ramai pelabur untuk menawarkan ekuiti kepada kontraktor tempatan selain meningkatkan kebolehan pemain industri untuk lebih berdaya saing di pasaran antarabangsa.

~~33-31.~~ Berdasarkan penilaian berterusan yang dilaksanakan, barulah Kerajaan merasa yakin dengan komitmen yang diberikan oleh Konsesi dan Kontraktor dalam melaksanakan perkhidmatannya. Kesannya jua

Kerajaan lebih yakin untuk meneruskan kontrak/perjanjian di masa akan datang memandangkan Konsesi dan Kontraktor benar-benar berpengalaman dan bijak dalam menangani kehendak dan peraturan Kerajaan dari semasa ke semasa.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

[34-32.](#) Pengurusan fasiliti ini tidak hanya melibatkan pihak penyedia perkhidmatan (kontraktor/syarikat) malahan juga pihak *stakeholders* yang terdiri daripada agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, NGO dan penggiat industri yang mana kita juga adalah berperanan sebagai rakyat.

[35-33.](#) Oleh yang demikian penglibatan kita adalah penting dalam menghasilkan perkhidmatan berkualiti dengan kos yang optimum melalui kaedah *partnership*.

PERANAN KONSESI SEBAGAI “PARTNER” KERAJAAN

[36-34.](#) Dasar penswastan mula digunakan oleh Kerajaan pada 1980-an lagi berikutan untuk memantapkan sistem pengurusan Kerajaan. Bagi KKR, pemantapan sistem pengurusan Kerajaan telah dilaksanakan dalam pelbagai bidang projek penyenggaraan termasuk jalan, Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) dan cerun.

[37-35.](#) Sebagai contoh, untuk Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP), KKR mula menggunakan sistem penswastan pada 2001 di

bawah kontrak jangka panjang selama 10 tahun. Konsesi ~~BGP~~ akan memberi perkhidmatan dari segi penyenggaraan seperti penyenggaraan Sistem Mekanikal (lif, penyaman udara, sistem pencegah kebakaran dan lain-lain), penyenggaraan Sistem Elektrikal, Perkhidmatan Pembersihan, Kawalan Keselamatan, Kerja-kerja Sivill, Struktur dan Arkitekural, Bil-bil Utiliti dan lain-lain yang terlibat.

~~38-36.~~ Dalam tempoh tersebut, Konsesi dan Kontraktor penyenggaraan hendaklah memberi perkhidmatan dan pulangan terbaik kepada Kerajaan seperti memastikan bangunan mencapai *Building Energy Index* (BEI) pada kadar *125 KiloWatt Hours per year* (kWh/yr), kelestarian dan jangka hayat bangunan dapat dioptimumkan walaupun kebanyakan Bangunan Gunasama Persekutuan (~~BGP~~) adalah berusia dan uzur (8 tahun sehingga 70 tahun).

~~39-37.~~ Selain itu, konsep penswastan yang melibatkan kontrak jangka panjang ini melibatkan Konsesi/Kontraktor yang berpengalaman dan sentiasa menjalankan penyenggaraan berjadual/berkala mengikut kehendak perjanjian konsesi.

~~40-38.~~ Ini secara tidak langsung dapat mengoptimumkan kos penyenggaraan di samping memberi nilai tambah kepada kedua-dua pihak sama ada Kerajaan dan Konsesi bagi mencapai matlamat '*Best Value For Money*' bagi sesuatu projek. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk melaksanakan amanah yang telah diberikan dengan sebaiknya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

41-39. Melalui “*Perception, Confidence and Trust*”, saya ingin mengajak penggiat industri penyenggaraan merangkul aspirasi sektor/industri penyenggaraan melalui dasar-dasar yang akan diperkenalkan oleh Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensinya dibawahnya.

NATIONAL CONSTRUCTION POLICY (NCP) 2030

42-40. Kementerian Kerja Raya sedang membangunkan *National Construction Policy* (NCP) 2030. Pewujudan NCP secara amnya merupakan dasar utama dalam memandu dan memacu sektor pembinaan dan pembangunan infrastruktur negara. NCP akan memfokuskan kepada kepentingan kualiti, keselamatan dan profesionalisme; kelestarian dan kemampuan; produktiviti industri binaan; pengurusan fasiliti; dan pengantarabangsaan dan daya saing industri. Justeru itu, NCP akan dirangka dengan kerjasama pelbagai ~~pihak pemegang taruh~~ ‘stakeholder’ bagi mengenalpasti inisiatif-inisiatif merealisasikan pemantapan industri pembinaan sebagai sektor yang terus menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

41. Selain NCP 2030, satu lagi dasar yang sedang dimuktamadkan adalah Dasar Pembangunan Jalanraya dan Lebuhraya (DPJL) yang akan menentukan halatuju dan asas bagi perancangan dan pembangunan

jalanraya dan lebuhraya yang lebih sistematik di mana ianya akan dijadikan rujukan kepada Kementerian dan agensi lain yang berkaitan.

43.—

46.43. Pada masa ini, bahagian-bahagian yang berkaitan sedang mengkaji dan meneliti keseluruhan proses pembinaan terutamanya dalam anggaran kos, pengurusan masa dan perancangan.

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN

47.44. Pembangunan ekonomi dan sosial membuatkan jangkaan atau “*expectation*” rakyat terhadap mutu penyampaian perkhidmatan ~~terutamanya dalam p~~menyenggaraan projek-projek Kerajaan ~~juga yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat~~ turut meningkat. Secara tidak langsung tuntutan terhadap penggiat industri pembinaan terutamanya Konsesi adalah lebih mencabar dan kompleks berbanding masa-masa sebelumnya.

48.45. Perlu saya tekankan juga bahawa dasar-dasar di bawah Kementerian Kerja Raya yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi adalah berpandukan kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (~~WKB2030~~) yang telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019 yang mempunyai matlamat utama untuk menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat pada 2030. Justeru itu, semua perancangan dasar dan perancangan pembangunan Kementerian ini perlu mengambil kira teras-teras yang terdapat dalam ~~WKB 2030~~Wawasan ini. Kementerian juga perlu memastikan bahawa

pembangunan yang dilaksanakan adalah bersifat holistik dan dapat dinikmati oleh setiap golongan masyarakat selaras dengan hasrat Kerajaan pada masa ini.

~~49.46.~~ Oleh yang demikian, bagi tahun 2020, Kementerian Kerja Raya dan agensi perlu terus fokus dan komited terhadap semua pelaksanaan dasar dan pembangunan yang telah dirancang. Kita juga harus peka dan bersikap terbuka untuk mempelajari dan mengadaptasi teknologi-teknologi baharu yang telah mula memasuki pasaran agar pelaksanaan projek dan pembangunan industri pembinaan mencapai tahap mampan dan berdaya saing sebagai persediaan menuju 2030, seiring dengan perubahan dunia.

~~50.47.~~ Oleh yang demikian, saya percaya semua pihak dapat melaksanakan peranan masing-masing dengan lebih berkesan setelah semua persepsi positif, kepercayaan dan keyakinan dipositifkan. ~~pusatkan, saya percaya semua pihak dapat melaksanakan peranan masing-masing, baik KKR dan agensi di bawahnya dengan lebih berkesan dan berorientasikan kesejahteraan rakyat.~~

SISTEM PEMANTAUAN DAN TEKNOLOGI

~~51.48.~~ Dalam menyokong hasrat Kerajaan ini, Konsesi dan Kontraktor penyenggaraan sama ada bagi projek jalan, cerun, Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) dan Kompleks Kerja Raya, seharusnya berjalan seiring dengan revolusi industri 4.0, terutama

daripada segi sistem pemantauan dan teknologi. Ini adalah penting bagi memastikan pemantauan dapat dibuat secara terus dan *real-time*. Jadi usaha menerapkan elemen IR 4.0 perlu dirancakkan.

[52-49.](#) Sistem pemantauan dan teknologi seperti *Building Information Modelling* (BIM) dan *Highway Information Modelling* (HIM) adalah merupakan salah satu kaedah yang banyak membantu Kerajaan dan Konsesi serta Kontraktor dalam memantau projek penyenggaraannya.

[53-50.](#) Saya percaya setiap penggiat industri penyenggaraan akan mengambil peranan dalam menyokong peralihan ini. Sektor penyenggaraan berorientasikan tenaga buruh harus dianjurkan kepada perkhidmatan berasaskan digital, robotik dan automasi.

[54-51.](#) Contohnya melalui sistem teknologi konsesi seperti sistem *dash boarding*, '*Computerised Maintenance, Management and Information System*' (CIMS) yang telah dijalankan oleh konsesi [BGP-bangunan bagi](#) membantu pekerja operasi menjadi penyelaras di pusat operasi, meningkatkan keseimbangan kerja-kehidupan pekerja. Industri 4.0 adalah mampan jangka panjang, membantu dalam mencari penyelesaian untuk sebarang cabaran yang timbul.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PROGRAM PEMBANGUNAN PENGGIAT INDUSTRI BUMIPUTERA

55-52. KKR sentiasa menyokong dasar Kerajaan untuk memastikan penglibatan penggiat industri pembinaan bumiputera melalui Perjanjian konsesi penyenggaraan. KKR telah menetapkan bahawa syarikat perlu memberikan 60% daripada nilai kerja tahunan kepada kontraktor bertaraf Bumiputera. Oleh itu, pihak syarikat konsesi diminta untuk sentiasa memenuhi kehendak di dalam perjanjian serta memastikan kontraktor-kontraktor Bumiputera diberi peluang yang adil dan saksama untuk menyertai tender-tender kerja oleh syarikat.

56-53. Kerajaan juga berharap untuk melahirkan lebih ramai kontraktor Bumiputera berdaya saing dan berdaya tahan serta memainkan peranan utama dalam industri pembinaan negara. Berdasarkan statistik terkini, jumlah Kontraktor G1 berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) adalah 21,495 syarikat dan daripada jumlah itu, 70 peratus adalah Kontraktor G1 yang mempunyai rekod pendaftaran melebihi 20 tahun. Justeru itu bagi memberi peluang kepada Kontraktor baharu terutamanya generasi muda, Oleh itu, Kerajaan mulai 1 September 2019, telah membuka semula pendaftaran Kontraktor G1 Bumiputera mulai 1 September 2019. Sekaligus memberi peluang kepada generasi ini untuk terlibat sama dalam industri pembinaan. bagi memberi peluang kepada Kontraktor baharu terutamanya generasi muda berkelayakan teknikal.

57-54. Akhir sekali, saya ingin mengajak tuan tuan and puan puan untuk sammenekankan hasrat KKR dan Kerajaan iaitu dalam

~~memperkuhkan industri pembinaan di era IR4.0 ini marilah kita perkhidmatan senggaraan demi memperkuhkan industri pembinaan dan pembangunan infrastuktur di era IR4.0.~~

Sekian, terima kasih.

God Bless.